



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK"

Ruj.Kami : JPNPk.SPM.KOKU.600-3/5/11 Jld.13 (25)
Tarikh : 28 April 2025

**Ketua Pegawai Eksekutif
Elvira Systems Sdn Bhd**

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM MICRO:BIT
INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION 2025 (mIRC2025)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Surat tuan 22042025/mIRC2025/KEB(2) bertarikh 22 April 2025 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu dimaklumkan bahawa pihak jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan menganjurkan program dan menjemput sekolah yang akan terlibat. Namun begitu, pihak tuan dikehendaki mematuhi garis panduan seperti berikut :

- 2.1 **SPI KPM Bil.8 / 2009** Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti / Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan ;
- 2.2 **SPI KPM Bil.8 / 2018** Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Jabatan Pendidikan Pendidikan.
- 2.3 **SPI KPM Bil.9 / 2023** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 : Dan
- 2.4 **Surat Siaran KPM Bil.2 / 2010** Garis Panduan Pelaksanaan Program (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar
- 2.5 **Surat Siaran KPM Bil.9 Tahun 2024:** Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa / Penjaga Untuk Kebenaran Rakaman Gambar / Video / Audio Murid Serta Memuat Naik Ke Laman Media Sosial Bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM.

3. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua / guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini ;
- 3.2 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga;
- 3.3 pihak penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan:

- 3.4 surat ini **tidak boleh** digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 penyertaan guru / murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
- 3.6 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat.
- 3.7 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dalam program ini
- 3.8 tiada implikasi kewangan kepada JPN, PPD, sekolah dan murid yang terlibat (merujuk kepada SPI Bil.5 / 2028)
- 3.9 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;
- 3.10 Pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster / gegantung / hebahan digital /sijil untuk semakan JPN sebelum diedarkan;
- 3.11 Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan logo KPM beserta dokumen lengkap kepada Unit Komunikasi Korporat selepas mendapat maklum balas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini. Syarat permohonan adalah seperti dalam Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM ([https ://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo](https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo))
- 3.12 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 3.13 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) kepada Unit Pembangunan Bakat Murid (kokurikulum), Sektor Pembangunan Murid, JPN Perak tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program.
- 3.14 JPN berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
- 3.15 Pihak penganjur dimohon mengemukakan surat permohonan pengiktirafan peringkat Negeri dan satu salinan laporan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) untuk tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum selewat-lewatnya 30 hari selepas tamat program.


4. Kebenaran ini adalah hanya untuk **Elvira Systems Sdn Bhd** yang akan menganjurkan **Program Micro: Bit Innovation and Robotic Competition 2025 (mIRC2025)** pada **1 Mei hingga 30 November 2025**. Ia adalah tertakluk kepada perincian di atas dan akan luput sekiranya terdapat perubahan maklumat seperti yang ditetapkan. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada JPN Perak.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan **Mohd E'fa bin Khadri, Penolong Pengarah UPBM (Kokurikulum) JPN Perak di talian 018-5778433**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJAH FADHILAH BINTI HAWARY)
Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k. 1. Pejabat Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak

PERAK SEJAHTERA 2030

LAMPIRAN A

LAPORAN

_____ (NAMA AKTIVITI) _____

- 1.0 Nama Program/Aktiviti
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan
- 3.0 Mod Pelaksanaan
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTIN A		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	MURI D	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
JUMLAH										

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti
 - 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (****Jika berkaitan*)
 - 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) (****Jika berkaitan*)
 - 8.0 Pemenang (****Jika berkaitan*)
 - 9.0 Isu dan cabaran
 - 10.0 Cadangan penambahbaikan
 - 11.0 Gambar
 - 12.0
- Disediakan Oleh:

Tarikh: